

## **MODEL KHATAM AL-QURAN j-QAF: PENGARUH TERHADAP IMPAK PEMBELAJARAN MURID DI NEGERI SABAH**

### **[KHATAM AL-QURAN j-QAF MODEL: INFLUENCE ON THE IMPACT OF STUDENT LEARNING IN THE STATE OF SABAH]**

ZALIFAH SARIBI<sup>1\*</sup> & HAFIZAH ZULKIFLI<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.  
Corespondent Email: hafizhah\_zulkifli@ukm.edu.my

---

*Received: 10 July 2023*

*Accepted: 30 July 2023*

*Published: 29 August 2023*

---

**Abstrak:** Pendidikan al-Quran di Malaysia merupakan satu keutamaan bagi murid yang beragama Islam. Murid yang beragama Islam di Sabah turut tidak terkecuali dalam mempelajari perkara yang berkaitan dengan al-Quran, khususnya dalam penerapan dan cara pembelajaran al-Quran yang menggunakan model j-QAF yang telah dilaksanakan dalam sekolah rendah. Perkara ini adalah untuk memastikan murid-murid dapat khatam al-Quran pada Tahun 6 atau lebih awal. Antara teknik yang sering digunakan untuk mengajari al-Quran kepada murid-murid adalah dengan mengikuti bacaan guru atau menerusi hafalan. Integrasi antara dua teknik ini juga dapat membantu murid untuk mudah mempelajari al-Quran serta memahami maksudnya. Status pembelajaran al-Quran di Sabah dilihat masih ketinggalan berbanding dengan pembelajaran al-Quran di Semenanjung Malaysia. Perkara ini adalah disebabkan beberapa faktor seperti kurang pendedahan terhadap ilmu agama serta kekurangan penggunaan teknologi. Impak Model Khatam al-Quran j-QAF dilihat sebagai satu nilai tambah terhadap pembelajaran murid sekolah rendah di negeri Sabah. Sukatan pembelajaran yang sesuai dan relevan dengan keperluan murid sekolah rendah dalam negeri Sabah dapat dilihat sebagai satu usaha untuk meningkatkan tahap penguasaan al-Quran sekaligus mempraktikkan kehidupan yang selari dengan agama Islam. Oleh itu, pengisian Model Khatam al-Quran j-QAF ini adalah sangat berkesan untuk menanam minat dan kesungguhan murid dalam mendalami pembelajaran al-Quran dan seterusnya mencuba untuk khatam sebelum naik ke sekolah menengah.

**Kata Kunci:** Model Khatam al-Quran j-QAF, Guru Pendidikan Islam, sekolah rendah, Sabah.

**Abstract:** Quranic education in Malaysia is a priority for Muslim students. Muslim students in Sabah are also no exception in learning matters related to the Quran, especially in the application and learning of the Quran using the j-QAF model that has been implemented in primary school. This is to ensure that the students can khatam al-Quran in Year 6 or earlier. Among the techniques that are often used to teach the Quran to the students is to follow the recitation of the teacher or through memorization. The integration between these two techniques can also help students to easily learn the Quran as well as understand its meaning. The status of Quran learning in Sabah is still lagging behind the learning of the Quran in Peninsular Malaysia. This is due to several factors such as lack of exposure to religious knowledge as well as lack of use of technology. The impact of the Khatam al-Quran j-QAF Model is seen as an added value to the learning of primary school students in the state of Sabah. Learning syllabus that is suitable and relevant to the needs of primary school students in the state of Sabah can be seen as an effort to increase the level of mastery of the Quran while practicing life in line with the Islamic religion. Therefore, the filling of the Khatam al-Quran j-QAF Model is very effective in inculcating the

students' interest and determination in learning the Quran and thus trying to khatam before going to secondary school.

**Keywords:** Khatam al-Quran j-QAF Model, Islamic Education teacher, primary school, Sabah.

**Cite This Article:**

Zalifah Saribi & Hafizhah Zulkifli. (2023). Model Khatam Al-Quran J-Qaf: Pengaruh Terhadap Impak Pembelajaran Murid di Negeri Sabah [Khatam Al-Quran J-Qaf Model: Influence on The Impact of Student Learning in The State of Sabah]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 3(3), 16-27.

## PENDAHULUAN

Setiap ibu bapa sudah tentu bercita-cita untuk memberikan didikan yang terbaik kepada anak-anak mereka terutama sekali berkaitan dengan agama mereka. Hal ini adalah kerana mereka inginkan anak-anak mereka untuk mempunyai kejayaan dalam pelbagai bentuk seperti ekonomi, hubungan dan rohani. Oleh itu, kebanyakan keluarga, terutama sekali bagi mereka yang beragama Islam sangat menekankan pembelajaran tentang agama dan al-Quran kerana ia akan menjadi tonggak utama dalam kehidupan.

Al-Quran sangat dipandang tinggi dalam kalangan pengikut beragama Islam. Sejarah dalam Islam menunjukkan bahawa malaikat Jibril telah menyampaikan al-Quran kepada Nabi Muhammad SAW dalam tempoh 23 tahun, iaitu di antara 610 Masihi sehingga 632 Masihi (Ibn Jawi, 2023). Umat Islam telah menganggap al-Quran sebagai transkripsi untuk kata-kata Allah SWT. Maka, manifestasi alam semesta di dalam al-Quran dianggap sebagai bukti firman Allah SWT.

Pandangan dalam dunia Islam adalah berpandukan al-Quran dan hadis (Ibn Jawi, 2023). Untuk umat Islam, mereka wajib untuk memegang terhadap dua perkara tersebut dan dijadikan sebagai panduan dalam hidup mereka. Perkara ini bermaksud bahawa pendidikan al-Quran haruslah dimulakan sejak muda lagi kerana melentur buluh biarlah dari rebungnya. Hal ini dapat menyesuaikan kanak-kanak dalam kehidupan bercorakkan Islam semasa mereka masih kecil. Apabila kanak-kanak tersebut sudah besar, mereka akan masih berpegang teguh terhadap pendirian mereka yang berteraskan jalan yang telah ditunjukkan di dalam al-Quran dan hadis. Oleh kerana itu, kebanyakan ibu bapa mengambil keputusan untuk menghantar anak mereka ke sekolah atau kelas agama untuk mendapat pendidikan yang lebih mendalam dalam agama.

## PENDIDIKAN AL-QURAN

Salah satu tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh seorang Muslim adalah untuk mendidik dirinya tentang al-Quran yang merakam perintah dari Allah SWT (Colina & Listiana, 2020). Ibu bapa yang beragama Islam mempunyai tanggungjawab yang besar untuk memberikan didikan agama yang secukupnya kepada anak-anak mereka. Hal ini adalah untuk memastikan bahawa mereka mempunyai asas pegangan yang kukuh untuk berkembang menjadi seorang insan yang mengamalkan ajaran Islam secara holistik. Al-Quran merupakan sumber pertama dalam ajaran Islam kerana ia merupakan firman Allah. Oleh itu, seorang Muslim yang berjaya akan berusaha dengan lebih gigih untuk mempelajari dan mendalami al-

Quran kerana mereka menjadikan al-Quran sebagai panduan hidup mereka untuk menerima rahmat dan ihsan Allah SWT.

## **PERKEMBANGAN PENDIDIKAN AL-QURAN DI SEKOLAH RENDAH**

Mantan Perdana Menteri Malaysia yang keempat iaitu Tun Abdullah Ahmad Badawi telah merasmikan satu program iaitu j-QAF untuk memantapkan jawi, pendidikan al-Quran, dan bahasa Arab murid sekolah rendah pada tahun 2003 (Muhammad Zulazizi, Muhammad Amirul, Mohd Rashidi, & Norhisham, 2021). Program j-QAF ini merupakan singkatan kepada perkataan jawi, al-Quran, Fardu Ain dan Bahasa Arab. Program ini juga telah membuka perkembangan pendidikan al-Quran di peringkat sekolah rendah yang dianggap susah pada ketika itu sehingga masa kini. Justeru itu, ia adalah wajar untuk kementerian pendidikan untuk sering berbincang dan mengenalpasti kaedah yang sesuai untuk diterapkan dalam kurikulum sekolah rendah, terutama sekali berkaitan dengan pendidikan al-Quran.

Program j-QAF mempunyai empat objektif utama untuk memastikan bahawa murid sekolah rendah tidak ketinggalan dalam empat bidang tersebut (Safarina & Norshidah, 2018). Yang pertama adalah untuk memastikan bahawa murid berkebolehan untuk membaca dan menulis jawi. Yang kedua adalah untuk memastikan bahawa murid berjaya menamatkan atau menghabiskan al-Quran semasa berada di sekolah rendah. Yang ketiga adalah untuk memastikan murid berjaya menguasai bahasa Arab secara baik dan yang keempat adalah untuk memastikan murid mempunyai pengetahuan asas dalam Fardu Ain.

Kemunculan program ini telah menetapkan matlamat dan hala tuju dalam dunia pendidikan terutama sekali bagi mata pelajaran Pendidikan Islam yang pada mulanya dilihat tidak begitu penting. Namun begitu, dengan adanya usaha dari kementerian pendidikan untuk memastikan bahawa setiap murid sekolah rendah mendapat pendidikan yang sewajarnya, ia dapat membuka peluang kepada mereka untuk mendapat asas yang kukuh dalam empat bidang tersebut. Pendidikan al-Quran yang dirancang adalah bertujuan untuk melahirkan murid yang mampu mengaplikasikan bacaan serta hafalan al-Quran dengan baik, serta mendidik murid untuk membaca dan menghafal al-Quran secara istiqamah (berterusan). Malah, program ini juga adalah untuk mewujudkan jiwa muda agar dilatih dengan panduan al-Quran untuk membangunkan kemahiran murid untuk berkebolehan dalam menghayati (*mentadabbur*) sumber al-Quran dalam aktiviti harian sama ada secara berseorangan atau bermasyarakat.

## **PENDIDIKAN AL-QURAN DI SEKOLAH RENDAH DI SABAH**

Sabah merupakan negeri di bawah bayu dalam Malaysia dan mempunyai kaum yang pelbagai. Meskipun terdapat perbezaan dalam kepercayaan dan agama, namun penduduk di Sabah hidup dengan majmuk tanpa sebarang konflik. Situasi ini membolehkan anak-anak muda di negeri ini dapat hidup bergaul tanpa sebarang persepsi yang prejudis terhadap agama yang berlainan (Latipah, Muhamad Suhaimi & Sabariah, 2021). Namun begitu, keadaan ini juga menyebabkan corak hidup masyarakat di Sabah lebih bebas dan terbuka. Pendedahan tentang agama hanya akan diberikan di sekolah dan hanya sesetengah keluarga yang memegang pegangan agama mereka dengan kukuh sahaja akan menyediakan pendidikan yang secukupnya mengenai agama.

## **TAHAP PENGUASAAN MURID DALAM AL-QURAN**

Terdapat pelbagai kajian yang telah dilakukan untuk mengkaji tahap penguasaan murid dalam al-Quran, terutama sekali bagi murid sekolah rendah. Antara kajian yang dibahaskan adalah kajian daripada Rosniati (2019) serta Mohd Hanafi dan Hamdi (2016).

Rosniati (2019) telah mengkaji tentang penguasaan murid membaca dan menulis tulisan Arab al-Quran serta pengetahuan kurikulum Tahsin Al-Quran bagi meningkatkan kemahiran membaca dan menulis. Pendekatan penyelidikan adalah kuantitatif dan kualitatif. 208 orang murid telah diuji keupayaan mereka untuk membaca dan menulis skrip Al-Quran untuk mendapatkan data kuantitatif. 10 responden kajian iaitu pengajar dan pelajar, adalah sumber data kualitatif. Kaedah temubual telah digunakan untuk mengumpul maklumat. Menurut dapatan kajian, 58.70% pelajar mempunyai kefahaman membaca Al-Quran yang kuat, 24.50% pelajar mempunyai pemahaman bacaan sederhana, dan 16.80% pelajar mempunyai pemahaman bacaan yang rendah. Di samping itu, 19% pelajar mempunyai kemahiran menulis skrip yang tinggi, 66% pelajar mempunyai keupayaan menulis skrip yang sederhana, dan 15% pelajar mempunyai keupayaan menulis skrip yang buruk. Data temu bual itu mendedahkan terdapat tujuh tindakan strategik yang diambil bagi meningkatkan penguasaan pelajar membaca al-Quran, yang berkaitan dengan program Tahsin Quran. Menurut dapatan kajian itu juga, latihan Tahsin boleh membantu pelajar menjadi lebih mahir membaca Al-Quran dan menulis skrip Arab.

Selain daripada itu, kajian daripada Mohd Hanafi dan Hamdi (2016) telah mendapati bahawa faktor-faktor pembelajaran seperti peranan keluarga, pengaruh persekitaran dan pengaruh sikap kendiri memainkan peranan penting dalam memberi impak kepada pencapaian murid dalam pembelajaran al-Quran. Unsur-unsur ini berupaya untuk memberi sumbangan terhadap penguasaan murid dalam pembelajaran. Malah, kajian ini turut menerangkan bahawa usaha untuk melahirkan modal insan yang berteraskan al-Quran tidak boleh dipandang remeh kerana ia tidaklah semudah teori yang tertulis di atas kertas. Kajian ini turut menerangkan bahawa dalam usaha untuk memastikan murid-murid sekolah rendah mahir dalam membaca al-Quran dan mampu menguasainya dengan baik, ia memerlukan penglibatan pelbagai pihak dan bukan hanya mengharapkan pihak sekolah sahaja.

## **KAEDAH PENGAJARAN AL-QURAN**

Terdapat teknik pengajaran yang membolehkan pembelajaran al-Quran semakin mudah difahami dan menarik. Antaranya adalah kaedah baghdadiyah, kaedah qiraati dan kaedah hattawiyyah. Sapie, Barinah, Mohamad Fuad, dan Siti Nga'ishah (2018) telah merumuskan ketiga-tiga kaedah ini dalam kajian mereka.

### **Kaedah Baghdadiyah**

Kaedah ini merupakan salah satu kaedah yang paling lama dan meluas yang digunakan di seluruh dunia. Kaedah baghdadiyah dipercayai berasal dari Baghdad dan diperkenalkan di Malaysia seiring dengan kedatangan Islam di Tanah Melayu sejak berabad yang lalu. Kaedah

ini menggunakan muqaddam sebagai bahan utama pengajaran dan lebih menekankan kepada huruf hijaiyyah, baris serta ejaan.

### **Kaedah Qiraati**

Kaedah ini turut dikenali sebagai “bacaanku” yang telah disusun oleh Haji Dachlan Salaim Zarkasyi, seorang guru al-Quran di Semarang, Indonesia pada tahun 1963. Terdapat dua bahagian buku iaitu qiraati untuk kanak-kanak dan qiraati untuk dewasa. Kaedah ini bermula dengan pelajaran yang senang seperti pengenalan huruf hijaiyyah sehingga kepada pelajaran yang lebih kompleks seperti hukum tajwid. Setelah selesai mempelajari qiraati, murid akan dilatih untuk membaca juzu’ amma dan seterusnya al-Quran mushaf rasm uthmani.

### **Kaedah hattawiyah**

Kaedah ini adalah kaedah untuk membaca al-Quran berpandukan tulisan rumi. Kaedah ini diperkenalkan untuk membantuk pelajar yang terlalu lemah dalam tulisan jawi. Syarat utama pengajaran kaedah hattawiyah adalah murid tersebut perlu benar-benar buta huruf jawi dan murid hanya boleh membaca rumi. Kaedah ini hanya dianggap sementara dan sebagai langkah terakhir untuk golongan tertentu. Hal ini adalah untuk memastikan bahawa mereka tidak terus buta al-Quran.

## **TEKNIK PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PDP) AL-QURAN**

Kemahiran guru dalam menggunakan kaedah mengajar yang sesuai semasa pengajaran dan pembelajaran dianggap sebagai teknik guru tersebut. Secara asasnya, teknik merupakan aktiviti yang dianggap remeh atau biasa apabila dilihat secara umum namun berguna untuk memastikan murid dapat menguasai sesuatu pelajaran tersebut. Antara teknik yang sering digunakan adalah menghafal, soal jawab, latih tubi dan tunjuk cara (Kamarul Azmi & Mohd Aderi, 2013). Seorang guru boleh memilih teknik yang bersesuaian untuk memastikan murid mampu menguasai bacaan al-Quran. Teknik yang sering digunakan dalam pendidikan al-Quran adalah ikut bacaan guru dan hafalan. Integrasi antara dua teknik yang digunakan ini boleh membuatkan murid mudah untuk belajar tentang bacaan al-Quran dan menguasai makna ayat tersebut (Colina & Listiana, 2020).

## **KURIKULUM PENDIDIKAN AL-QURAN DI SEKOLAH RENDAH**

Bahagian Pembangunan Kurikulum KPM telah membina Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Pendidikan Islam untuk memenuhi tuntutan Islam bagi menyediakan pendidikan rohani yang sewajarnya kepada setiap Muslim secara bersepada dan holistik (KPM, 2015). Oleh itu, untuk memenuhi keperluan ini, kurikulum sedia ada perlu diubah daripada konsep pembelajaran berdasarkan pengetahuan kepada pembelajaran berdasarkan standard yang telah ditetapkan. Kurikulum yang telah diselaraskan dalam Pendidikan Islam merangkumi tujuh bahagian iaitu adab, akidah, al-Quran, hadis, ibadah, jawi dan sirah. Setiap bahagian ini telah diselaraskan mengikut keperluan dan kebolehan murid sekolah rendah. Ilmu yang tersedia dalam

setiap bahagian disampaikan melalui pelbagai kaedah, pendekatan serta teknik yang berkesan untuk memastikan murid menguasai bidang tersebut serta melahirkan kemampuan untuk berfikir secara kritis dan kreatif.

## **MODEL KHATAM AL-QURAN J-QAF**

Dasar Model Khatam al-Quran adalah bertujuan untuk memastikan semua murid Islam dapat khatam al-Quran di peringkat sekolah rendah (Hamdi, Mohd Hanafi, Mohd Faizulamri, & Sabri, 2019). Model ini menggunakan pendekatan talaqi dan musyafahah. Ia dilaksanakan dalam waktu Pendidikan Islam mengikut sukanan dan agihan waktu yang telah ditetapkan. Model ini akan dijalankan oleh Guru Pendidikan Islam (GPI) bersama-sama seorang atau dua orang guru j-QAF (GJQ) di kelas yang sama secara kolaboratif.

Model Khatam al-Quran dalam KBSR dilaksanakan pada 6 bulan pertama yang melibatkan 4 waktu Pendidikan Islam. Dalam KSSR, agihan waktu untuk al-Quran adalah 3 waktu sepanjang tahun yang menggabungkan Model Khatam al-Quran dan Asuhan Tilawah al-Quran. Surat siaran KPM bil. 35 tahun 2012 telah menyatakan peluasan program j-QAF untuk semua sekolah rendah pada tahun 2013 di mana berlakunya perubahan pelaksanaan program j-QAF. Pelaksanaan sedia ada berdasarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 13/2004 menyatakan bahawa Model 6 Bulan Khatam al-Quran akan diubah kepada Model Khatam al-Quran di mana pelaksanaan model ini akan menggunakan 3 waktu Pendidikan Islam sepanjang tahun di sekolah kebangsaan dan 2 waktu Pendidikan Islam di sekolah jenis kebangsaan.

## **KEPENTINGAN MODEL KHATAM AL-QURAN J-QAF**

Model ini melalui proses talaqi musyafahah adalah penting untuk memastikan bahawa setiap murid diberikan peluang yang sama rata dalam menguasai tilawah al-Quran dengan lancar dan bertajwid. Setiap murid diharap dapat mengkhatamkan bacaan al-Quran sebanyak 30 juzuk dalam jangka masa 6 tahun ketika berada di sekolah rendah mengikut tahap penguasaan murid itu sendiri. Walaubagaimanapun, untuk murid yang masih tidak mampu menguasai bacaan al-Quran, mereka tetap berpeluang untuk meneruskan pembelajaran menggunakan kaedah iqra' dengan pemantauan guru dari masa ke semasa.

## **KONSEP PELAKSANAAN MODEL KHATAM AL-QURAN J-QAF**

GPI akan masuk mengajar bersama-sama satu atau dua orang GJQ di kelas yang sama secara kolaboratif (YM Raja Abdullah & Saidi, 2018). Murid akan dibahagikan kepada beberapa kumpulan mengikut tahap bacaan dan bilangan guru iaitu: (i) murid cemerlang, (ii) murid sederhana (iqra' 4 – iqra' 6), (iii) murid positif (iqra' 1 – iqra' 3) (Hisyam, Rasidi, Fadhlly, & Ismail, 2023).

Bagi murid cemerlang, guru akan mendengar dan memperbetulkan bacaan murid secara talaqi dan musyafahah. Bacaan mengikut sukanan atau bacaan sebenar murid melangkaui sukanan. Guru kemudiannya akan merekod bacaan murid. Murid cemerlang yang telah selesai bertalaqi bersama guru akan dilantik sebagai murid turus untuk membantu rakan-rakan mereka yang lain iaitu murid sederhana dan murid positif.

Manakala untuk murid sederhana pula, mereka akan diajar secara bacaan contoh terlebih dahulu mengikut sukanan yang telah ditetapkan. Guru akan membaca bacaan contoh dan akan diikuti oleh murid-murid dalam kumpulan sehingga selesai sukanan. Setelah bacaan contoh selesai, murid sederhana akan diajar secara sekali lagi dalam bentuk halaqah dan tadarus mengikut sukanan yang sama untuk memantapkan bacaan mereka. Dalam konsep ini, guru perlu membezakan kaedah baca ikut guru dan kaedah bacaan contoh. Guru akan mendengar bacaan murid secara tadarus dan membetulkan kesalahan sekiranya ada secara talaqi musyafahah. Murid turus akan membantum guru untuk memimpin kumpulan halaqah dan tadarus yang baru manakala guru merekodkan bacaan murid sederhana.

Bagi murid positif, mereka akan diajar mengikut kaedah baca ikut guru terlebih dahulu mengikut sukanan yang telah ditetapkan. Guru akan membaca ayat secara putus-putus tanpa mencacatkan makna ayat tersebut dan kemudiannya akan diikuti oleh murid-murid dalam kumpulan sehingga selesai sukanan. Setelah selesai proses baca ikut guru, murid positif akan membaca iqra' mengikut tahap masing-masing. Murid turus juga akan membantu guru untuk membimbing murid positif dalam membaca iqra'. Guru perlu mencatat dua rekod bacaan murid positif iaitu bacaan secara kaedah baca ikut guru dan bacaan iqra'.

Bagi sekolah kohot 2005 – 2008, Model Khatam al-Quran dilaksanakan tanpa perubahan kepada semua murid program j-QAF manakala bagi sekolah kohot 2009 – 2012, Model Khatam al-Quran dilaksanakan tanpa perubahan bagi murid kohot j-QAF sahaja. Bagi murid bukan kohot j-QAF, Model Khatam al-Quran dilaksanakan dengan menggunakan agihan sukanan al-Quran tahun berkenaan dan diajar oleh seorang guru sahaja .

## **KAEDAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PDP) MODEL KHATAM AL-QURAN**

Melihat kepada keperluan penguasaan al-Quran, terdapat banyak kaedah dan teori yang telah dihasilkan. Mereka mendatangkan kaedah yang berlainan mengikut aliran yang diperjuangkan. Antaranya adalah talaqi dan musyafahah, bacaan contoh, baca ikut guru, kaedah iqra', tasmik, halaqah dan tadarus, murid turus serta kolaboratif.

### **Talaqi dan musyafahah**

Dalam kaedah ini, murid akan mendengar bacaan guru serta membaca dengan bimbingan guru. Manakala, guru akan membetulkan kesalahan bacaan murid dan mengesahkan bacaan murid (Norhisham, Azmil, Wahyu Hidayat, Miuhammad Akramin & Fatin Ardani, 2019).

### **Bacaan contoh**

Bacaan contoh adalah satu kaedah di mana guru memperdengarkan bacaan al-Quran dan berhenti pada waqaf yang sesuai. Murid akan mengikut bacaan guru sepenuhnya (Zainora, Abdul Muhammin, Norazman, & Norhasnira, 2022).

### **Baca ikut guru**

Kaedah baca ikut guru adalah guru memperdengarkan bacaan al-Quran secara perkataan demi perkataan dan murid akan mengikut sebutan guru dengan betul (Zainora, Abdul Muhammin, Norazman, & Norhasnira, 2022).

### **Kaedah iqra'**

Kaedah ini telah diasaskan oleh Ustaz H. As'ad Humam dari Indonesia yang merupakan salah seorang pengasas Team Tadarus Angkatan Muda Masjid dan Musalla serta ahli Lembaga Pengembangan Tilawah Quran Peringkat Kebangsaan. Beliau telah menyusun buku IQRA' (Cara Cepat Membaca al-Quran) atas permintaan ramai dan disebabkan kaedah pembelajaran al-Quran yang digunakan selama ini kurang berkesan dan mempunyai banyak kelemahan. Kaedah iqra' telah disusun secara lengkap dan bersepada dengan huruf yang seimbang. Kaedah ini terkandung dalam 6 jilid dan dapat membantu pelbagai peringkat umur untuk mempelajari al-Quran (Windarsih, 2019).

### **Kolaboratif**

Kaedah kolaboratif dianggap apabila proses PdP melibatkan lebih daripada seorang guru yang bekerjasama di setiap peringkat pengajaran dari merancang dan menyediakan rancangan pengajaran, melaksanakan dan menilai pencapaian objektif yang ditumpukan dalam mata pelajaran. Penulisan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) antara GPI dan GJQ perlulah selaras (Zainal Abiden & Mohd Isa, 2022).

## **IMPAK MODEL KHATAM AL-QURAN J-QAF TERHADAP PEMBELAJARAN MURID SEKOLAH RENDAH DI SABAH**

Impak Model Khatam al-Quran j-QAF ini dapat dilihat sebagai satu nilai tambah terhadap pembelajaran murid sekolah rendah di Sabah. Sukatan yang sesuai dan relevan dengan keperluan murid sekolah rendah dapat dilihat sebagai satu usaha untuk meningkatkan tahap penguasaan al-Quran sekaligus mempraktikkan kehidupan yang selari dengan agama Islam.

Strategi pendidikan al-Quran yang berkesan dapat memberikan manfaat kepada murid-murid untuk mendalami al-Quran dan mematuhi gaya hidup seperti firman Allah dalam kitab itu dengan sepenuhnya. Antara manfaatnya adalah ia dapat menanam etika dan nilai-nilai murni dalam diri murid pada usia muda, ia juga dapat memupuk kebolehan membaca dalam bahasa asing dan melatih pemikiran kritis murid-murid, serta meraka juga melatih kemahiran kognitif mereka dengan lebih berkesan.

### **Menanam etika dan nilai-nilai murni dalam diri murid pada usia muda**

Kajian daripada Siti Khadijah dan Mohd. Isa (2021) menyatakan bahawa etika dan nilai murni merupakan antara elemen yang perlu diterapkan dalam diri kanak-kanak. Hal ini adalah selaras dengan pembelajaran abad ke-21 untuk berhadapan dengan cabaran pada masa akan datang.

Perkara ini juga telah menunjukkan bahawa peranan guru dalam memastikan sesi pembelajaran berjalan dengan lancar adalah sangat penting.

Guru yang tidak dapat memainkan perananya dengan baik akan menyebabkan murid tidak mengambil berat semasa sesi pembelajarannya sedang berlangsung. Penerapan etika dan nilai murni adalah sangat sesuai untuk dilaksanakan pada peringkat sekolah rendah kerana usia murid-murid yang masih muda dan sesuai untuk diperkenalkan dengan pendidikan al-Quran.

Al-Quran berfungsi sebagai panduan terbesar umat Islam untuk hidup. Kehidupan sekarang sering memberi penekanan yang lebih dalam memperoleh kekayaan dan mengejar kesenangan egotistik berbanding daripada mematuhi kehendak Allah SWT. Walau bagaimanapun, umat Islam sedar bahawa mengikut kehendak Allah dalam semua aspek kehidupan adalah yang paling utama. Kekayaan dan kesenangan hanya hadir untuk sementara, namun pengajaran al-Quran perlu diutamakan.

Untuk menanam etika dan nilai murni dengan berkesan dalam kalangan murid sekolah rendah, kerajaan perlu bersedia untuk menginovasikan dan meluluskan undang-undang baru, serta masyarakat mampu mengubah definisi apa yang dimaksudkan untuk menjadi seorang Muslim yang baik. Nilai-nilai murni yang ada pada masa kini adalah bergantung terhadap perubahan dunia. Apabila murid-murid telah didedahkan terhadap pembelajaran al-Quran pada awal waktu, mereka dapat mempelajari nilai-nilai murni dan etika yang baik sesuai dengan panduan yang telah diturunkan. Hal ini juga dapat mengelakkan pertentangan antara aktiviti yang boleh diterima oleh Allah mengikut al-Quran atau apa yang boleh diterima secara sosial. Murid-murid yang membesar dalam budaya sedemikian akan lebih mudah untuk beradaptasi dengan persekitaran sosial mereka.

### **Memupuk kebolehan membaca dalam bahasa asing dan melatih pemikiran kritis murid-murid**

Al-Quran diturunkan di dalam bahasa asing, iaitu bahasa Arab. Perkara ini memberi satu kelebihan kepada murid untuk mempelajari bahasa asing dan mendalami maksud ayat al-Quran dengan mudah (Kadir, Herawati & Rukhyana, 2022). Malah, pemahaman murid akan semakin meningkat dalam bahasa Arab apabila mereka dapat memahami makna ayat yang dibaca oleh mereka.

Pendedahan murid kepada bahasa Arab bukanlah satu perkara yang asing kerana terdapat kelas akademik yang diperuntukkan untuk mereka mempelajari bahasa berkenaan. Namun, perkara ini juga tidak bermaksud bahawa murid akan cepat memahami makna ayat al-Quran semasa berada di dalam kelas al-Quran. Situasi ini bergantung kepada persekitaran serta minat dan motivasi murid-murid itu sendiri untuk mempelajari bahasa asing.

Pembelajaran yang berkaitan dengan kemahiran literasi seperti membaca dianggap membosankan untuk sesetengah murid-murid (Intan Nur Syuhada & Zamri, 2021). Keadaan ini memerlukan kawalan dan perhatian oleh guru bagi menarik minat murid-murid ini untuk memberikan fokus semasa sesi pengajaran sedang berlangsung. Strategi pengajaran yang berkesan serta bahan bantu mengajar yang menarik dapat meningkatkan motivasi murid sekaligus melatih pemikiran kritis mereka hasil daripada aktiviti-aktiviti yang menarik di dalam kelas.

Aktiviti menarik yang dapat meningkatkan tahap kefahaman murid dalam tajwid serta contoh bacaan akan membuatkan murid-murid lebih terbuka untuk belajar bahasa Arab dan menggunakan daya ingatan mereka untuk menyambungkan makna dengan perkataan bahasa Arab dalam al-Quran. Guru juga perlu memberikan perhatian yang serius serta bersedia untuk memberi tunjuk ajar dan penerangan yang jelas apabila murid bertanyakan soalan.

### **Melatih kemahiran kognitif murid dengan lebih berkesan**

Teknik yang sering digunakan dalam pendidikan al-Quran adalah hafalan. Teknik hafalan adalah salah satu cara yang mudah untuk memahami konteks al-Quran. Umur murid-murid sekolah rendah yang berada di antara umur 7 tahun sehingga 12 tahun merupakan fasa umur yang sesuai untuk mereka mudah menghafal al-Quran. Kajian daripada (Amirah, Amal, A. Sri Wahyuni dan Imroatun (2023) menyatakn bahawa peringkat usia kanak-kanak merupakan peringkat *golden age* atau masa yang ideal untuk sel-sel otak berfungsi dengan aktif dan berkembang.

Ketika menggunakan teknik hafalan, murid-murid akan melalui empat proses iaitu menerima, mengikuti, melihat dan mendengar yang merupakan aspek penting dalam perkembangan kognitif (Sri, 2019). Murid yang melalui proses ini dengan teratur dan mempunyai persekitaran yang kondusif dapat mengembangkan kemahiran kognitif mereka dengan baik. Malah, memori juga sangat penting dalam pembelajaran dan mempunyai peranan yang penting dalam menunjukkan potensi murid dalam pembelajaran mereka. Murid yang berjaya menghafal surah-surah pendek dalam masa yang singkat dilihat sebagai murid yang mempunyai memori yang bagus. Oleh itu, murid-murid yang menunjukkan minat yang tinggi dalam pendidikan al-Quran mampu melatih kemahiran kognitif mereka dengan berkesan.

## **PENUTUP**

Kesimpulannya, kajian ini telah membincangkan secara ringkas mengenai topik berkaitan dengan Model Khatam al-Quran j-QAF untuk murid sekolah rendah di negeri Sabah. Pembelajaran al-Quran menunjukkan kesan yang signifikan terhadap kehidupan setiap Muslim sebagai panduan hidup. Oleh itu, ia adalah penting untuk memastikan bahawa setiap umat Islam mengetahui makna dan mahir dalam membaca al-Quran terutama sekali sejak usia muda lagi. Hal ini adalah kerana usia yang muda masih mudah untuk menerima pelajaran al-Quran dan menjadikan membaca al-Quran sebagai tabiat harian. Perkara ini juga tidak dapat dinafikan bahawa guru memerlukan strategi pengajaran dan pembelajaran yang lebih menarik dan mudah untuk murid-murid fahami dan hayati ketika sesi pembelajaran al-Quran. Dengan adanya pelajaran al-Quran sejak usia yang muda, murid-murid mempunyai pegangan hidup yang kukuh.

## **RUJUKAN**

- Amirah, M., Amal, A., A. Sri Wahyuni, A., & Imroatun, I. 2023. *Penerapan Metode Tabarak dalam Menstimulasi Kemampuan Hafalan al-Quran di Taman Kanak-kanak Plus Qurthuba Makassar*. Makassar: Universitas Negeri Makassar.

- Colina, N., & Listiana, A. 2020. Al-Quran based Learning in Early Childhood Education. *Advances in Social Science, Education and Humanities Research*, 538: 19-22.
- Hamdi, I., Mohd Hanafi, M., Mohd Faizulamri, M. S., & Sabri, M. 2019. Learning and Student's Achievement Factors in j-QAF Khatam al-Quran Model. *Islamiyyat* 4(2): 29-38.
- Hisyam, A., Rasidi, M., Fadhlly, M., & Ismail. 2023. A Study of the Effectiveness of Iqra' Comparing Methods of Baghdadi, al-Barqy and Abahata al-Jabari on Student Effectiveness in Pahang Town District. *Jurnal al-Sirat* 23(1): 25-41.
- Ibn Jawi. 2023. *Kitab Tamadun Islam* (Vol. 1). Kuala Lumpur: Patriots Publishing.
- Intan Nur Syuhada, H., & Zamri, M. 2021. Strategi Pengajaran dalam Talian yang Digunakan oleh Guru Bahasa Melayu dalam Meningkatkan Kemahiran Membaca Murid Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 11(2): 54-67.
- Kadir, P. M., Herawati, I., & Rukhyana, B. 2022. Pengajaran 3 Bahasa (Inggris-Arab-Jepang) di Madrasah Informal Kelurahan Cipadung Kecamatan Cibatu. *Jurnal Pengabdian Masyarakat*, 4(1): 71-76.
- Kamarul Azmi, J., & Mohd Aderi, C. N. 2013. Sejarah, Kaedah serta Model Pengajaran dan Pembelajaran al-Quran. *Bengkel Pemulihan dan Penggayaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) al-Quran* (hlm. 1-17). Kuala Lumpur: SRA JAWI.
- KPM. 2015. *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Pendidikan Islam*. Didapatkan dari Kementerian Pelajaran Malaysia: <https://www.moe.gov.my/menumedia/media-cetak/penerbitan/dskp-kssr/1265-dskp-kssr-pendidikan-islam-tahun-6/file>
- Latipah, S., Muhamad Suhaimi, T., & Sabariah, S. 2021. Teaching and Facilitation (T&F) for Islamic Education Teachers in Sabah State's Primary Schools of Ministry of Education Malaysia during Movement Control Order (MCO) - Covid-19. *Proceeding 3rd International Conference on Islamic Education Management*. Bogor-West Java: Universiti Muhammadiyah Jakarta, hal. 24-31.
- Mohd Hanafi, M., & Hamdi, I. 2016. Model Khatam al-Quran j-QAF: Pengaruh terhadap Impak Pembelajaran Murid. *Jurnal al-Turath* 1(2): 34-42.
- Muhammad Zulazizi, M. N., Muhammad Amirul, M. N., Mohd Rashidi, O., & Norhisham, M. 2021. Pembacaan al-Quran dalam Pendidikan Masa Kini: Satu Tinjauan Umum. *Jurnal al-Turath* 6(1): 43-55.
- Norhisham, M., Azmil, H., Wahyu Hidayat, A., Muhammad Akramin, K. Z., & Fatin Ardani, Z. 2019. Kaedah Talaqqi Musyafahah dalam Pengajaran al-Quran wa al-Hifz Kurikulum Dini SABK di Perak. *International Journal of Education, Psychology and Counseling* 4(32): 273-283.
- Rosniati, H. 2019. The Improvement of Students' Competence in Islamic Education Programme through Tafsir al-Quran Activities. *Khalifa: Journal of Islamic Education* 3(1): 35-55.
- Safarina, U., & Norshidah, M. S. 2018. Pelaksanaan Jawi, al-Quran, Bahasa Arab, Fardu Ain (j-QAF) dalam Program Pendidikan Khas Integrasi. *Jurnal Ortopedagogia* 4(1): 59-63.
- Sapie, S., Barinah, I. S., Mohamad Fuad, I., & Siti Nga'ishah, M. 2018. Analisis Tahap Penguasaan Bacaan al-Quran Murid Tahun 5 Sekolah Kebangsaan Sungai Karang berdasarkan Model Khatam al-Quran dan Model Tasmik j-QAF. *International Conference on Islamic Education and Research*, hlm. 1-19.
- Siti Khadijah, M. K., & Mohd. Isa, H. 2021. Penerapan Elemen Nilai Murni dan Etika dalam Pembelajaran Abad Ke-21 dalam kalangan Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah.

*International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education* 1(4): 16-31.

Sri, S. 2019. The Effect of Memorizing Quran on the Children's Cognitive Intelligence. *Humanities & Social Sciences Reviews* 7(3): 571-575.

Windarsih, C. A. 2019. An Implementation of Participative Iqro Method in the Oriented of al-Quran Education Center on the Purpose of Learning Goal and Objectives for Early Children. *Jurnal Ilmiah Program Studi Pendidikan Luar Sekolah* 8(1): 24-28.

YM Raja Abdullah, R. I., & Saidi, M. 2018. Model Khatam al-Quran dan Tasmik Program j-QAF berdasarkan Norma Baharu Guru Pendidikan Islam: Tinjauan dalam daerah Kuala Nerus, Terengganu. *Seminar PdPC Abad ke-21 dan Karnival Inovasi*. Kuala Terengganu: Institut Pendidikan Guru Kampus Sultan Mizan, hlm. 1-12.

Zainal Abiden, A. R., & Mohd Isa, H. 2022. Keunikan Model Pembelajaran Tasmik di Sekolah Rendah dalam Program j-QAF Kementerian Pendidikan Malaysia. *International Journal of Social Science Research* 4(4): 209-214.

Zainora, D., Abdul Muhammin, A., Norazman, A., & Norhasnira, I. 2022. Persepsi Pelajar Terhadap Penggunaan Gamifikasi Tahfiz Global Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Subjek Muraja'ah Al-quran. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*, 6(2): 62-78.